



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SEPTEMBER 2025

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi September 2025. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas kira-kira 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar dari 11 sektor ekonomi, di semua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen/keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi negara.

3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen kurang optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Indeks utama BSI, iaitu **sub-indeks Keadaan Perniagaan**, dicatat pada tahap 49.9 pada September 2025, menunjukkan keadaan perniagaan yang sedikit pesimistik berbanding bulan sebelumnya. Walau bagaimanapun, kebanyakan perniagaan melaporkan keadaan yang hampir sama seperti bulan sebelumnya, menandakan tahap perniagaan yang stabil. Sentimen pesimistik ini sebahagian besarnya berpunca daripada permintaan pelanggan yang lemah, di mana kebanyakan perniagaan melaporkan keadaan pasaran yang lebih perlahan dengan tahap penjualan yang rendah. Sebahagian lagi melaporkan penurunan aktiviti perniagaan disebabkan ketiadaan projek baharu selepas penyelesaian projek yang sedia ada. Namun begitu, terdapat juga beberapa faktor yang menyumbang kepada sentimen optimistik, termasuk faktor bermusim seperti berakhirnya tempoh cuti persekolahan dan permulaan musim peperiksaan, di mana tahap perbelanjaan dalam negeri dijangka akan meningkat, serta jangkaan peningkatan dalam jumlah pelanggan yang mengunjungi kedai-kedai, projek yang masih berlangsung, serta penambahbaikan operasi. Promosi jualan, pelancaran produk baharu, dan kempen media sosial juga antara faktor positif yang dikongsikan oleh sesetengah perniagaan. Indeks bagi satu bulan (1M) ke hadapan juga kekal pada tahap 49.9, mencerminkan bahawa, secara keseluruhan,

kebanyakan perniagaan masih kekal sedikit pesimistik terhadap prospek keadaan perniagaan pada bulan Oktober. Sentimen ini berpunca daripada jangkaan perbelanjaan pengguna yang lemah serta unjuran yang semakin menurun disebabkan penamatan kontrak yang tidak akan diperbaharui.

5. **Sub-Indeks Pelaburan** dicatat pada tahap 50.4 bagi September 2025, 50.5 bagi indeks satu bulan ke hadapan, dan 50.6 bagi tiga bulan ke hadapan, menunjukkan jangkaan peningkatan aktiviti pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Sebahagian besar perniagaan melaporkan rancangan untuk meningkatkan tahap pelaburan dalam beberapa bulan akan datang, khususnya bagi persiapan projek hujung tahun dan musim perayaan, serta penambahbaikan infrastruktur. Antara faktor utama yang mendorong peningkatan pelaburan termasuk aktiviti pengembangan perniagaan, pembelian mesin dan peralatan, penambahan semula inventori bagi memenuhi permintaan bermusim, dan kerja-kerja pengubahsuaian.
6. **Sub-Indeks Pengambilan Pekerja** adalah 49.9 bagi September 2025 dan 49.9 bagi satu bulan ke hadapan. Secara keseluruhan, tahap pekerjaan bagi September 2025 kekal stabil. Penurunan sentimen sebahagian besarnya berpunca daripada penamatan kontrak yang tidak diperbaharui, penyelesaian projek jangka pendek, dan langkah-langkah penjimatan kos mengambil kira prestasi perniagaan yang lebih perlahan. Jangkaan bagi Oktober kekal sederhana, dengan penurunan dijangka berpunca daripada persaraan dan penamatan perkhidmatan, di samping pendekatan lebih berhati-hati di kalangan perniagaan, yang mencerminkan pengurusan berhemat dalam operasi dan perancangan belanjawan di tengah persekitaran permintaan yang tidak menentu.
7. **Sub-Indeks Kos Perniagaan** dicatat pada tahap 50.1 bagi September 2025 dan 50.3 bagi satu bulan ke hadapan, menunjukkan sedikit peningkatan kos pada September 2025 dengan jangkaan peningkatan selanjutnya pada bulan berikutnya. Beberapa perniagaan menyatakan penyemakan kadar gaji, pengambilan pekerja baharu, dan bayaran lebih masa (overtime) sebagai faktor utama kepada peningkatan kos. Perniagaan dalam sektor Pembuatan dan Pembinaan turut melaporkan peningkatan aktiviti dengan lebih banyak perbelanjaan untuk bahan-bahan, manakala sebahagian perniagaan mengaitkan kenaikan kos dengan perbelanjaan penyelenggaraan dan premium insurans. Bagi bulan seterusnya, para peniaga menjangka tekanan kos akan berterusan, didorong oleh faktor-faktor yang serupa dengan bulan September.

BSI September 2025	
Keadaan Perniagaan	49.9
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	49.9
Pelaburan	50.4
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.5
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.6
Pengambilan Pekerja	49.9
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	49.9
Kos Perniagaan	50.1
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.3

8. Dari segi **sektor ekonomi**:

	Sektor	Indeks	Disebabkan oleh
Sentiment Optimistik	Kesihatan & Pendidikan	50.5	Lebih ramai pelanggan berbanding dengan bulan Ogos, yang sekali gus membantu menstabilkan operasi.
	Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.5	Peningkatan hasil pengeluaran seperti ikan dan telur, dan peningkatan permintaan domestik.
	Pembinaan	50.2	Sentimen optimistik yang lebih kukuh dari perniagaan yang menjalankan projek, sama ada yang baharu atau sedia ada.
	Hotel & Restoran	50.1	Peningkatan dalam tempahan bagi acara-acara dan majlis perkahwinan, berikutan promosi berskala besar.
	Kewangan & Insurans	50.1	Kempen baharu, pelancaran produk, serta pengeluaran pinjaman besar.
Tiada Perubahan	Perkhidmatan Lain	50.0	Gabungan sentimen pesimistik dan optimistik. Sentimen pesimistik disebabkan oleh pengurangan projek baharu dan pasaran yang perlahan, manakala sentimen optimistik disebabkan oleh kontrak baharu dan penyertaan dalam pameran pelancongan.
	Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0	Sentimen seimbang secara amnya di kalangan perniagaan di sektor ini.
	Pembuatan	50.0	Pasaran yang lembap, jumlah tempahan yang rendah, dan penyelesaian projek menyumbang kepada sentimen pesimistik. Walau bagaimanapun, ini diimbangi oleh beberapa perniagaan yang memperoleh projek baharu, peningkatan permintaan selepas cuti persekolahan, serta kejayaan promosi melalui media sosial.
Sentimen Kurang Optimistik	Perdagangan Borong & Runcit	49.9	Perbelanjaan pengguna yang lemah, pasaran tempatan yang perlahan, dan persaingan daripada aktiviti rentas sempadan serta pembelian atas talian.
	Minyak & Gas dan Yang Berkaitan	49.8	Kebimbangan terhadap lebih bekalan minyak mentah dan margin keuntungan yang semakin tipis mengatasi kesan positif peningkatan jualan daripada kecekapan yang lebih baik.
	Pengangkutan & Komunikasi	49.1	Permintaan bermusim yang lemah, penyelenggaraan kapal, dan kontrak utama yang tidak diperbaharui telah menjejaskan sentimen sektor ini.

9. Dari segi saiz perniagaan:

	Saiz	Indeks	Disebabkan oleh
--	------	--------	-----------------

Sentiment Optimistik	Sederhana	50.1	Permulaan projek baharu serta aktiviti promosi yang telah meningkatkan prestasi perniagaan.
Tiada Perubahan	Mikro	50.0	Perniagaan mikro dan kecil melaporkan keadaan perniagaan seperti biasa, tanpa projek baharu yang signifikan atau perubahan ketara terhadap keadaan pasaran yang masih perlahan.
	Kecil	50.0	
Sentiment Kurang Optimistik	Besar	49.9	Penamatan kontrak utama dan perbelanjaan pengguna yang lemah.

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak Ogos 2020 adalah di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 16 Jamadilawal 1447H / 7 November 2025M

Ruj: BDCB/COMMS/3


LAMPIRAN 1

Keadaan Perniagaan




Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.


Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya


Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos.

Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.


BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga September 2025



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama

berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot /sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot /sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.